

Kekaumas hargai pemberian bonus kakitangan awam

UB 21-07-2012 B5

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) menghargai pemberian bonus kepada kakitangan awam oleh Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri.

Presidennya, Amat Jutrah Musnih amat bersyukur dan mengucapkan syabas serta tahniah kepada Presiden Cuepacs Dato' Omar Osman kerana berjaya menyakinkan kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, terhadap pemberian bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada penjawat awam persekutuan yang berjumlah 1.27 juta orang.

Katanya, kejayaan itu juga turut dinikmati oleh seramai 657,000 pesara kerajaan yang akan menerima sebanyak RM500 yang akan dibayar pada 9 Ogos nanti.

Kemampuan kerajaan dapat membayar bonus dan bayaran khas kewangan pada tahun ini adalah berdasarkan kemampuan kewangan yang akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.2 bilion.

Beliau berkata, kejayaan Omar selaku pemimpin kesatuan yang membawa lebih 1.4 juta penjawat awam di Malaysia memohon bonus daripada kerajaan adalah satu kejayaan amat besar dalam perjuangan kesatuan membela hak pekerja dan berharap semua penjawat awam di Sabah dapat membelanjakannya dengan berhemah.

Tambahnya, kerajaan sentiasa prihatin dan sangat menitikberatkan kebajikan penjawat awam dan menghargai sumbangan



AMAT

dan dedikasi mereka dalam melaksanakan program pembangunan negara.

Amat berkata, ianya juga adalah sebagai satu langkah membantu mereka membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.


"Pihak Kekaumas serta seluruh warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) termasuk di UMS Kampus Antarabangsa Labuan amat menghargai usaha Presiden CUEPACS itu dalam perjuangan kesatuan bagi memberikan keyakinan Perdana Menteri untuk menghargai usaha dan keprihatinan pihak pekerja yang telah mengumumkan bonus dan bayaran khas kepada penjawat awam dan pesara kerajaan.

"Sebagai anggota perkhidmatan awam Malaysia, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri. Kita percaya bonus ini akan memberi suntikan semangat yang kuat kepada semua penjawat awam agar dapat menjalankan tugas dengan lebih komited dan bertanggungjawab," katanya.

Pemangku Setiausaha Kekaumas, Arnah Sainudin berkata pemberian bonus



ARNAH



CHRISTHOPER

oleh kerajaan menunjukkan satu keprihatinan yang terbaik dalam usaha penjawat awam mempertingkatkan kerja dengan lebih tekun di samping sebagai persediaan menyambut perayaan hari raya akan datang.

Christoper Jimoli Toidis, Pembantu Am Rendah di Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS berkata dengan pemberian bonus oleh Perdana Menteri itu akan memberikan semangat yang lebih tinggi untuk mempertingkatkan kerja yang dilakukan.

Katanya, ianya juga dan memberikan keselesaan kepada semua umat Islam dalam persediaan menyambut perayaan hari raya akan datang dan berharap setengah bulan bonus lagi mendapat perhatian Perdana Menteri hujung tahun ini.